

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktober/November 1995

BET 451/3 : Entomologi Perubatan & Domestik

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai **20** markah.

[BET 451/3]

1. Mengikut tinjauan WHO, penyakit malaria masih menjadi penyakit tropika utama di dunia ini sungguhpun Rancangan Pembasmian Malaria (RPM) dilaksanakan sejak tahun 1960an. Bincangkan masalah-masalah yang telah dihadapi semasa rancangan ini dilaksanakan di kawasan tropika yang endemik. Pada pendapat anda, bagaimana kaedah untuk mengawal penyakit ini dapat diperbaiki.
(20 markah)

2. “Kefahaman yang lebih mendalam mengenai biologi asas nyamuk vektor boleh memberi bimbingan yang penting dari segi merancang kaedah pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit manusia bawaan vektor”.

Bincangkan dengan memberi contoh-contoh yang tertentu.

(20 markah)

3. (a) Terangkan sifat-sifat yang unik bagi bekas menyimpan hasil-hasil simpanan. Bincangkan penyesuaian biologi perosak serangga utama untuk terus hidup dalam keadaan tersebut.
(10 markah)

- (b) Sebutkan sifat-sifat diagnostik untuk membezakan Famili Formicidae (semut) dan Famili Termitidae (anai-anai).
(10 markah)

4. (a) Famili Culicidae dianggap famili serangga yang terpenting dari segi transmisi penyakit tropika. Bincangkan ciri-ciri taksonomi penting untuk membezakan tiga subfamili dalam famili ini.
(10 markah)

[BET 451/3]

4. (b) Famili Blattidae dianggap salah satu perosak isi rumah yang penting. Bincangkan penglibatan famili serangga ini dari segi transmisi penyakit. Berikan nama saintifik untuk sekurang-kurangnya empat spesies dalam famili ini yang selalu dijumpai di rumah di Malaysia.

(10 markah)

5. (a) Di Malaysia, kita kini mengalami suatu wabak utama mengenai penyakit demam denggi dan demam denggi berdarah. Huraikan asal-usul, taburan, dan penglibatan perumah-vektor-patogen dalam penyakit ini.

(10 markah)

- (b) Pada pendapat anda, cadangkan satu strategi kawalan yang sesuai dan berkesan untuk memperbaiki cara pengawalan penyakit ini.

(10 markah)

6. Tuliskan nota biologi dan penglibatan vektor untuk setiap penyakit yang berikut:-

- (a) Filariasis luar bandar
- (b) Wabak plag
- (c) Ensefalitis Jepun-B
- (d) Penyakit "scrub typhus"
- (e) Penyakit Leishamianiasis

(20 markah)